

Sumbangan PIBG terhadap kesepaduan sosial di sekolah

ABSTRACT

PIBG berperanan memberikan sumbangan kepada pihak sekolah dalam pelbagai aspek. Ini termasuk sumbangan sukarelawan mahupun material bagi kesejahteraan anak mereka di sekolah. Dalam konteks kajian ini PIBG tidak ketinggalan dalam memberikan sumbangan terhadap kesepaduan sosial di sekolah melalui bantuan material, menghadiri program, memberikan sumbangan nasihat dan tenaga di sekolah. Kajian ini diharapkan dapat menjelaskan peranan PIBG terhadap kesepaduan sosial di sekolah melalui beberapa kaedah. Kajian ini dijalankan secara kualitatif dengan menggunakan kaedah temu bual mendalam. Sebanyak tiga belas orang guru dan sembilan buah sekolah terlibat dalam kajian ini. Hakikatnya PIBG sangat diperlukan dalam menyokong institusi pendidikan dalam mencapai kesepaduan sosial di sekolah.